

Submission date: 17 November 2024 Acceptance date: 17 Disember 2024

Available online: 31 Disember 2024

KOMUNIKASI DAKWAH RASULULLAH SAW TERHADAP KELUARGA

THE DA'WAH COMMUNICATION OF PROPHET MUHAMMAD TO HIS FAMILY

^{i*}Dayang Sakini Mohd Kadri & ⁱⁱ A'dawiyah Ismail, ⁱⁱⁱKhazri Osman

ⁱJabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS),
KM8 Jalan Gambang 25150 Kuantan Pahang

^{ii&iii}Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *dayang@unipsas.edu.my

DOI :<https://10.61465/jurnalyadim.v4.214>

ABSTRAK

Rasulullah SAW merupakan contoh teladan terbaik yang perlu diikuti oleh seluruh umat manusia dalam segala aspek kehidupan terutama dalam berkomunikasi terhadap ahli keluarga. Komunikasi yang bermasalah menjadi salah satu punca berlakunya pembubaran perkahwinan dalam sesebuah keluarga. Pengamalan komunikasi yang baik dapat melahirkan keluarga yang harmoni. Kajian ini membincangkan komunikasi dakwah sebagai elemen penting dalam institusi keluarga berdasarkan pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Rasulullah SAW menunjukkan teladan luar biasa dalam berinteraksi dengan isteri, anak, dan kerabatnya melalui komunikasi yang penuh kasih sayang, kelembutan, dan kebijaksanaan, sekaligus menjadi panduan dakwah yang efektif. Berdasarkan konsep-konsep *qawl sadidan* (kata-kata benar), *qawl ma'rufa* (kata-kata baik), *qawl baligha* (kata-kata jelas), *qawl maysura* (kata-kata lembut), *qawl layyina* (kata-kata penuh kelembutan), dan *qawl karima* (kata-kata mulia). Kajian ini membincangkan kepentingan komunikasi berasaskan nilai-nilai Islam dalam keluarga untuk membina hubungan yang harmoni dan penuh kepercayaan. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif. Data kajian diperolehi secara analisis kandungan dan dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa komunikasi yang berkesan dan penuh adab dalam keluarga dapat membina akhlak yang mulia, menyemai sikap hormat, dan mengeratkan kasih sayang. Kajian ini menyarankan agar prinsip komunikasi dakwah Rasulullah SAW ini dijadikan asas dalam merangka dasar pembinaan keluarga Muslim dan program dakwah kekeluargaan. Kajian ini juga turut mencadangkan panduan praktikal kepada ibu bapa dan para pendakwah, termasuk penerapan prinsip *qawl* dalam komunikasi harian sebagai pendekatan dakwah yang dapat memperkukuh institusi keluarga dan membina masyarakat berakhlak mulia.

Kata Kunci: Komunikasi dakwah, Rasulullah SAW, keluarga.

ABSTRACT

The Prophet Muhammad (PBUH) is the best role model to be followed by all of humanity in every aspect of life, especially in communication with family members. Communication issues are one of the main causes of marital dissolution within a family. Practicing good communication can create a harmonious family. This study discusses the concept of da'wah communication as an essential element in family institutions based on the approach taken by Prophet Muhammad (PBUH). The Prophet Muhammad (PBUH) demonstrated an extraordinary example in interacting with his wives, children, and relatives through communication filled with love, gentleness, and wisdom, which also serves as an effective guide for da'wah. This is based on the concepts of *qawl sadidan* (truthful words), *qawl ma'rufa* (good words), *qawl baligha* (clear words), *qawl maysura* (gentle words), *qawl layyina* (soft words), and *qawl karima* (noble words). The study explores the importance of communication based on Islamic values within the family to foster harmonious relationships and trust. This study uses a qualitative research design. Data was collected through content analysis and analyzed thematically. The findings of the study indicate that effective and respectful communication within the family can build noble character, cultivate respect, and strengthen affection. This study also proposes practical guidelines for parents and da'wah practitioners, including the application of qawl principles in daily communication as a da'wah approach that can strengthen the family institution and cultivate a morally upright society.

Keywords: *Da'wah communication, Prophet Muhammad (SAW), famili*

PENDAHULUAN

Komunikasi dakwah merupakan salah satu elemen penting dalam menyebarkan ajaran Islam, khususnya dalam konteks keluarga. Dalam menjalankan misi dakwah, Rasulullah SAW memberikan perhatian khusus kepada cara berkomunikasi yang efektif dan penuh hikmah, tidak hanya dalam berdakwah kepada masyarakat tetapi terhadap keluarganya. Sebagai seorang utusan Allah, Rasulullah SAW berhadapan dengan pelbagai tentangan dalam mengajak keluarga terdekat untuk menerima dan memahami ajaran Islam (Al-Buthi 1999).

Rasulullah SAW menunjukkan teladan yang luar biasa dalam berinteraksi dengan isteri, anak, dan kerabatnya melalui pendekatan komunikasi yang sarat dengan kasih sayang, kelembutan, dan kebijaksanaan (Pribadi et al. 2023). Komunikasi yang penuh adab dan empati ini mencerminkan prinsip-prinsip akhlak Islam, di mana dakwah tidak hanya terbatas kepada penyampaian mesej Islam tetapi juga pada pembinaan hubungan yang harmoni dan bermakna. Hal ini penting kerana keluarga adalah unit utama dalam pembentukan keperibadian dan pemahaman agama bagi setiap individu Muslim (Ismail et al. 2021).

Namun begitu, pelbagai cabaran sering kali menghalang komunikasi yang berkesan, termasuk perbezaan umur, pengalaman hidup, sikap serta gaya komunikasi yang berbeza. Tambahan pula, dengan kemajuan teknologi, kebergantungan kepada komunikasi digital telah mempengaruhi interaksi fizikal antara ahli keluarga, yang kadangkala menyebabkan kekurangan perasaan peduli atau empati. Kurangnya komunikasi berkesan dalam keluarga bukan sahaja boleh menimbulkan salah faham dan konflik, malah boleh mengakibatkan jurang emosi yang mendalam antara ibu bapa dan anak-anak, pasangan suami isteri, serta ahli keluarga yang lain (Ismail et al. 2019).

Dalam penulisan ini, komunikasi berkesan yang dipraktikkan oleh baginda Rasulullah SAW akan dirujuk sebagai panduan bagi semua umat manusia untuk diimplementasikan dalam kehidupan berkeluarga. Enam jenis pendekatan penggunaan komunikasi akan dibincangkan dalam penulisan ini iaitu *qawl sadidan* (kata-kata benar), *qawl ma'rufa* (kata-kata baik), *qawl baligha* (kata-kata jelas), *qawl maysura* (kata-kata lembut), *qawl layyina* (kata-kata penuh kelembutan), dan *qawl karima* (kata-kata mulia).

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam sesebuah institusi keluarga, komunikasi merupakan elemen asas dalam pembentukan sesebuah keluarga yang harmoni. Namun begitu, dalam konteks institusi kekeluargaan hari ini, kegagalan dalam berkomunikasi secara berkesan antara pasangan suami isteri serta antara ibu bapa dan anak-anak telah menjadi faktor utama yang menyumbang kepada berlakunya konflik dalam rumah tangga. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2023), kadar perceraian kekal tinggi dengan lebih 50,000 kes direkodkan setiap tahun, dan salah satu punca utama yang dikenal pasti ialah masalah komunikasi yang lemah dalam kalangan pasangan. Kelemahan ini bukan sahaja memberi kesan kepada hubungan suami isteri, bahkan turut menjejaskan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak yang semakin terdedah kepada pengaruh luar seperti media sosial dan budaya global yang tidak selari dengan nilai-nilai Islam.

Menurut Abu Dzar Ahmad dan Mohd Arif Nazri (2017) menyatakan bahawa sesebuah keluarga Islam yang menghadapi masalah adalah disebabkan kelemahan ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak. Izzah et al. (2019) turut berpendapat bahawa pasangan suami isteri perlu

mempunyai kemahiran keibubapaan berlandaskan agama yang merangkumi keperluan menjaga hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk serta menjadi pembimbing utama anak-anak. Berdasarkan kajian-kajian semasa (Kamaruddin et al., 2022; Nordin & Halim, 2023) menegaskan keperluan pendekatan komunikasi berasaskan nilai agama dalam menangani krisis keluarga dan mengukuhkan institusi perkahwinan. Kajian di Klang, Selangor (2023) turut menemui bahawa kekurangan komunikasi bersemuka menyebabkan jurang kefahaman antara ahli keluarga terutama terhadap komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak sehingga dapat memberi kesan dalam perkembangan holistik dan kestabilan emosi anak-anak (Zailan & Mohamad 2023). Dalam konteks ini, komunikasi dakwah berperanan sebagai medium utama yang bukan sahaja menyampaikan mesej Islam, tetapi juga membentuk akhlak, pemikiran, dan hubungan yang positif dalam kalangan ahli keluarga. Kelemahan dalam komunikasi akan menyebabkan berlakunya salah faham dan menjadikan ahli keluarga tidak saling memahami antara satu sama lain. Kajian yang dilakukan oleh Ismail (2024) mengenai komunikasi keluarga berasaskan hadis menegaskan bahawa kegagalan komunikasi mencetuskan hubungan renggang dan nasihat ibu bapa diabaikan, sekaligus menjejaskan kerjasama dan kelembutan dalam interaksi kekeluargaan. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk meneliti pendekatan komunikasi Rasulullah SAW terhadap ahli keluarganya sebagai model yang relevan dalam membimbing masyarakat Muslim masa kini dalam menghadapi cabaran komunikasi keluarga. Kajian terhadap metode komunikasi Baginda mampu menawarkan solusi praktikal bagi ibu bapa dan pendidik dalam menerapkan prinsip Islam yang menyuburkan kasih sayang, saling menghormati dan kefahaman dalam institusi kekeluargaan. Setiap ahli keluarga juga perlu menguasai kemahiran bahasa kerana komunikasi yang baik merupakan etika dalam berdakwah dalam keluarga (Abdullah & Osman, 2022).

Penguasaan bahasa komunikasi juga sangat penting dalam memastikan persefahaman antara anak dan ibu dapat dicapai. Tambahan lagi, dengan kecanggihan teknologi merentasi sempadan, anak – anak lebih mudah terpengaruh dengan tingkah laku sekeliling serta pengaruh budaya terkini dalam masyarakat sehingga menjadi ikutan dalam kehidupan mereka. Jima'ain (2023) menyatakan bahawa aspek strategi dakwah perlu sentiasa diperbaharui sesuai mengikut kehendak, keinginan, pemikiran serta tahap kefahaman sasaran dakwah.

Oleh itu, metode komunikasi dakwah Rasulullah SAW terhadap keluarga dapat memberikan panduan yang relevan untuk menguatkan pendidikan agama dalam keluarga meskipun menghadapi berbagai rintangan. Mengkaji pendekatan beliau dalam berinteraksi dengan keluarga diharapkan dapat memberikan inspirasi bagi ibu bapa dan pendidik dalam membimbing anak-anak dalam ajaran Islam secara efektif.

SOROTAN LITERATUR

Hasil sorotan kajian- kajian yang lalu menunjukkan pelbagai perbincangan telah dilakukan berkaitan komunikasi dan keluarga. Kajian yang meliputi metodologi dan kredibiliti pendakwah sememangnya telah dibahaskan secara meluas. Walau bagaimanapun, kajian – kajian yang dilakukan ini berbeza dari aspek penumpuan fokusnya.

Komunikasi dalam Keluarga

Menurut Susanto (2019), perkara utama yang dipegang oleh individu dalam unit keluarga antara satu sama lain adalah komunikasi yang merangkumi komunikasi lisan dan bukan lisan yang menyumbang kepada pengembangan diri setiap ahli keluarga terutama kepada anak-anak. Dalam usaha untuk mewujudkan keluarga yang harmoni, al-Farabi menjelaskan bahawa ia mesti disertai dengan akhlak yang baik dan amalan yang terpuji agar terbina sifat terpuji (al-fada'il al-khuluqiyyah) seperti kesederhanaan (wasatiah), keadilan ('adalah), kebenaran (al-haq), budi bahasa (al-akhlaq), penghormatan diri (tahrim nafs) dan kebaikan (alkhayr). Tingkah laku yang baik dapat diserlahkan melalui percakapan, tindakan, layanan yang diberikan, mimik muka, penghargaan, dan seumpamanya (A'dawiyah & Siti Najihah 2021). Ciri – ciri ini dapat dicapai melalui pengamalan komunikasi yang baik.

Kemahiran utama dalam menyampaikan dakwah adalah kemahiran komunikasi. Kajian Howard L. Barnes & David H. Olson (1985) menunjukkan, apabila komunikasi antara ibu bapa dan anak remaja berlangsung dengan baik, hubungan kekeluargaan dan kasih sayang semakin rapat, seterusnya memudahkan penyelesaian masalah.

Komunikasi Dakwah

Komunikasi dakwah mempunyai maksud dan ciri- ciri yang sama dengan komunikasi Islam yang menyampaikan maklumat berpandukan kepada prinsip al-Quran dan Al-Sunnah. Dalam proses tersebut, pendakwah berperanan sebagai penyampai, mesej adalah topik yang berasaskan kepada al-Quran dan Al-Sunnah, saluran adalah pendekatan yang digunakan sesuai dengan keadaan dan situasi *mad'û* dan penerima adalah *mad'û* atau sasaran dakwah. Menurut Mansur et al. (2022), komunikasi dakwah adalah proses penyampaian informasi atau mesej yang bersumberkan al-Quran dan hadis Rasulullah SAW secara verbal maupun non-verbal dengan tujuan untuk mengubah sikap, pendapat, atau perilaku seseorang supaya menjadi lebih baik mengikut ajaran islam. Ismail et al. (2019) menjelaskan bahawa topik dakwah yang dibincangkan dalam komunikasi dakwah adalah Islam. Pendakwah menyeru kepada Islam dengan penyampaian mesej berunsur agama serta disampaikan secara berstrategi. Sehubungan itu, komunikasi dakwah didefinisikan sebagai proses penyampaian mesej-mesej Islam oleh seorang pendakwah dalam mempengaruhi *mad'û* agar melaksanakan ajaran Islam (Ismail et al., 2019).

Komunikasi Dakwah Rasulullah SAW

Komunikasi Rasulullah SAW merupakan panduan terbaik dalam menjalani kehidupan harian, terutama dalam aspek berinteraksi dengan keluarga. Baginda terkenal dengan gaya komunikasi dakwah yang penuh hikmah, kelembutan, dan kejujuran, sehingga dapat menyentuh hati orang yang mendengarnya. Dalam setiap kata-kata yang disampaikan, Rasulullah SAW menekankan nilai-nilai seperti kesantunan, kesabaran, dan kasih sayang, menjadikan Baginda seorang contoh teladan dalam komunikasi yang berkesan dan penuh keberkatan.

Rasulullah SAW selalu berbicara dengan nada suara yang lembut, jelas, dan penuh penghormatan, terutama ketika berinteraksi. Sepertimana yang disebutkan oleh saidatina Aisyah RA, “Akhlak Nabi SAW adalah al-Quran” (Hadis Riwayat Muslim). Maka, percakapan Rasulullah SAW tentunya berpandukan perintah Allah SWT dalam Al-Quran. Baginda mengamalkan *qawl sadidan*, iaitu kata-kata yang benar dan jujur, *qawl ma'rufa* yang baik dan diterima, *qawl baligha* yang jelas dan efektif, serta *qawl karima* yang mulia dan penuh hormat (Aziz, 2023). Baginda juga memastikan setiap perkataan yang diucapkan mudah difahami oleh pelbagai peringkat usia dan keadaan sosial (Faridah, 2022).

Selain itu, Rasulullah SAW amat berhati-hati agar tidak menyakiti hati orang lain dengan perkataannya. Baginda sentiasa memilih kata-kata yang baik, malah dalam situasi sukar, baginda menggunakan pendekatan *qawl maysura*, iaitu kata-kata yang mudah, lembut, dan mengandungi harapan. Melalui kaedah komunikasi ini, baginda berjaya menyampaikan mesej-mesej dakwah dengan cara yang berkesan dan menawan hati ramai orang, yang kemudiannya membawa kepada penyebaran Islam dengan damai (Al-Buthi,1999).

Kajian ini akan membincangkan tentang kepentingan komunikasi dakwah yang dicontohi oleh Rasulullah SAW sebagai model dalam institusi keluarga, terutama dalam interaksi dengan ahli keluarga. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep-konsep komunikasi Islam seperti *qawl sadidan* (kata-kata benar), *qawl ma'rufa* (kata-kata baik), *qawl baligha* (kata-kata jelas), *qawl maysura* (kata-kata lembut), *qawl layyina* (kata-kata penuh kelembutan), dan *qawl karima* (kata-kata mulia) dalam konteks komunikasi keluarga. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji bagaimana amalan komunikasi berasaskan nilai-nilai Islam dapat membina hubungan keluarga yang harmoni, menggalakkan sikap hormat, dan menyemai kasih sayang antara ahli keluarga, di samping mencadangkan prinsip-prinsip komunikasi dakwah Islam sebagai pendekatan yang mampu mengukuhkan institusi keluarga, membentuk generasi yang beriman, dan menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang berakhlak mulia.

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif melalui teknik analisis kandungan secara tematik. Kaedah ini dipilih kerana kesesuaiannya dalam meneliti dan memahami secara mendalam makna-makna tersirat yang terkandung dalam bahan-bahan teks yang berkaitan dengan gaya pengungkapan dakwah berhemah dalam konteks kekeluargaan. Fokus utama kajian ini adalah untuk menginterpretasi pola komunikasi dakwah yang digunakan dan bagaimana ia disampaikan secara berkesan kepada khalayak.

Sumber data kajian terdiri daripada bahan bercetak dan elektronik yang diperoleh daripada pelbagai pangkalan data ilmiah serta sumber terbuka yang sahih. Bahan bercetak yang digunakan termasuk jurnal akademik berwasit, prosiding persidangan, dan buku-buku ilmiah yang relevan dengan bidang dakwah dan komunikasi Islam. Sementara itu, bahan elektronik diperoleh

daripada laman sesawang institusi penyelidikan, badan dakwah, dan artikel digital yang diterbitkan secara rasmi. Kesemua bahan yang digunakan dipilih berdasarkan beberapa kriteria utama, iaitu pertama, diterbitkan dalam tempoh lima tahun terkini (2020–2025) bagi menjamin maklumat dan konteks semasa yang terkini. Kedua, mempunyai kaitan langsung dengan fokus kajian, terutamanya perbincangan berkaitan pendekatan dakwah, strategi komunikasi Islam, dan hubungan kekeluargaan. Ketiga, diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf dan bereputasi, termasuk jurnal yang tersenarai dalam pangkalan data seperti *Scopus*, *Web of Science*, *MyJurnal*, dan *Google Scholar*. Keempat, mengandungi maklumat empirikal atau konseptual yang menyumbang kepada pembentukan tema kajian.

Proses pengumpulan data dilakukan melalui carian sistematik menggunakan kata kunci khusus seperti “pengungkapan dakwah berhemah”, “komunikasi dakwah kekeluargaan”, “dakwah psikologi”, “pendekatan mesra dalam dakwah”, dan “strategi komunikasi dakwah kontemporari”. Kata kunci ini digunakan dalam pencarian di pelbagai pangkalan data yang disebutkan di atas untuk mendapatkan sumber yang paling relevan dan berkualiti.

Setelah dikenal pasti, semua bahan dianalisis menggunakan perisian *Atlas.ti* versi 8, yang membolehkan pengurusan data kualitatif secara sistematik dan efisien. Dokumen -dokumen dimuat naik ke dalam perisian dan proses pengkodan induktif dijalankan terhadap setiap teks yang berkaitan. Penyelidik membina kod secara terbuka (*open coding*) bagi mengenal pasti makna yang berkaitan dengan objektif kajian. Seterusnya, kod-kod ini disusun dan digabungkan secara tematik menggunakan fungsi *code groups* dan *network view* bagi mengenal pasti pola komunikasi, konsep utama, dan hubungan antara tema-tema yang terbentuk.

Proses analisis dilakukan secara berulang (*iterative coding process*) bagi meningkatkan keabsahan dan kebolehpercayaan dapatan. *Memos* dan anotasi digunakan untuk mencatat pemerhatian dan refleksi semasa analisis dijalankan. Hasil akhir proses ini ialah penghasilan tema-tema utama dan subtema yang menggambarkan strategi dan pendekatan pengungkapan dakwah berhemah dalam konteks kekeluargaan, sebagaimana digariskan dalam objektif kajian.

PERBINCANGAN

Komunikasi dakwah dalam keluarga berlandaskan nilai Islam bukan sekadar bersifat teori, tetapi turut memiliki dimensi praktikal yang terbukti berkesan di lapangan. Kajian antarabangsa seperti tinjauan dari Mandailing Natal (2024) menunjukkan bahawa pelemahan dalam komunikasi interpersonal, terutama akibat dominasi media sosial, menyumbang kepada peningkatan ketegangan dan kadar perceraian (Marlina et al. 2024). Begitu juga, model “*Muslim Family Communication*” berdasarkan kerangka *Madani Society* yang dibangunkan di Malaysia (2024) menyatakan bahawa penggunaan pendekatan berstruktur digital dan nilai Islam menjadikan komunikasi kekeluargaan lebih harmoni dan mapan (Rasit et al. 2024). Dalam konteks pelbagai budaya Islam pula, kajian mengenai keluarga poligami di Indonesia (Rubani et al., 2024) mendapati bahawa komunikasi dakwah yang disesuaikan dengan struktur dan orientasi agama keluarga terbukti meningkatkan daya tahan institusi kekeluargaan (Rubani et al. 2024). Kajian-kajian ini membuktikan bahawa komunikasi dakwah keluarga yang berpandukan prinsip Rasulullah SAW boleh diformalkan dan disesuaikan dengan konteks teknologi, budaya dan struktur keluarga moden.

Komunikasi dalam keluarga yang berlandaskan nilai-nilai Islam bukan sahaja membentuk hubungan yang harmoni dan penuh kasih sayang, tetapi juga menjadi asas kepada pendekatan komunikasi dakwah. Sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan mesej Islam, komunikasi dakwah memerlukan kaedah yang penuh hikmah, kesantunan, dan kesabaran agar mesej yang disampaikan dapat diterima dengan hati terbuka dan difahami dengan jelas. Konsep-konsep komunikasi seperti *qawl sadidan* (kata-kata benar), *qawl ma'rufa* (kata-kata baik), *qawl baligha* (kata-kata yang jelas dan efektif), *qawl maysura* (kata-kata yang lembut dan menenangkan), *qawl layyina* (kata-kata penuh kelembutan), dan *qawl karima* (kata-kata mulia) yang disarankan dalam Al-Quran menunjukkan cara berdakwah yang berkesan.

1. Menggunakan Kata-Kata yang Benar (*Qawl Sadida*)

Konsep *qawl sadidan* menunjukkan pendakwah perlu berkomunikasi dengan penuh kejujuran, tanpa niat untuk berbohong, dan berusaha untuk melaksanakan komunikasi terbuka. Konsep ini disebutkan dalam al-Quran sebanyak dua kali. Pertama, Allah SWT mengarahkan manusia untuk menyampaikan *qawl sadidan* ketika berkomunikasi dengan anak-anak, anak yatim, dan golongan yang kurang bernasib baik juga kepada semua manusia yang lain. Kedua, Allah memerintahkan

amalan *qawl sadidan* dipraktikkan selepas ketakwaan. Pendakwah yang benar-benar mengamalkan takwa akan mudah untuk mengeluarkan kata-kata yang benar atas dasar takutnya berbuat perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Pendakwah perlu memastikan kata-kata mereka benar dan tidak berniat untuk berbohong kepada ahli keluarga kerana jika mereka mengetahui kebohongan berlaku, kepercayaan mereka akan terjejas. Selain itu, pendakwah perlu menggalakkan komunikasi terbuka, meraikan perbincangan, serta menghormati ekspresi pemikiran dan perasaan supaya setiap ahli keluarga tahu bahawa mereka berhak dan memiliki asas hak asasi manusia melalui komunikasi (Aziz 2023).

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda: Dari 'Abdullah RA katanya Rasulullah SAW. bersabda: "Hendaklah kamu selalu berlaku jujur. Kerana berlaku jujur membimbing kepada kebajikan, dan kebajikan membawa ke syurga. Seseorang yang sentiasa berlaku jujur dan berusaha mempertahankan atau mencari kejujuran, maka dia dicatat Allah sebagai "Sadiq" (orang yang jujur). Dan hindarilah olehmu dusta, kerana sesungguhnya dusta itu membimbing kepada kejahatan, dan kejahatan membawa ke neraka. Seseorang yang sentiasa berdusta dan mempertahankan kedustaan, maka dia dicatat Allah SWT sebagai "Kadzdab" (si Pendusta)." (Hadis Riwayat Muslim)

Nabi Muhammad SAW tidak pernah berdusta dalam percakapannya sehingga baginda mendapat gelaran Al-Amin (Masroom et al., 2015). Malah dalam gurauan juga Rasulullah SAW tidak berbohong seperti kisah Rasulullah SAW bergurau dengan seorang wanita tua yang meminta doa daripada baginda supaya dia dapat ditempatkan di syurga. Lalu baginda mengatakan tidak ada orang tua di syurga nanti. Lantas menangis wanita tua tersebut. Lalu baginda bersabda bahawa di dalam syurga semua yang tua akan menjadi muda (Hadis Riwayat al-Tirmizi dalam al-Syama'il al-Muhammadiyah). Sikap baginda ini membuktikan baginda sentiasa berkata benar terhadap semua manusia termasuk ahli keluarga baginda. Al-Qur'an selalu mendorong manusia untuk berkata jujur. Ahli keluarga perlu dilatih untuk berkomunikasi secara jujur agar dapat membina kepercayaan dan keyakinan. Kebohongan hanya akan memupuk kelemahan, ketakutan dan kepalsuan yang penuh kepura-puraan. Dengan demikian, keturunan yang tidak jujur dianggap sebagai keturunan yang lemah. Hal ini disebabkan perkataannya tidak sesuai dengan perbuatannya sehingga sukar untuk dipercayai atau dengan kata lain keturunan seperti ini dinilai sebagai keturunan yang munafik (Dzulhusna et al. 2022).

2. Menggunakan kata-kata yang baik (*Qawl Ma'rufa*)

Ma'rufa bermaksud baik, sesuai, dan diterima mengikut norma sosial yang biasa diamalkan dalam masyarakat. *Qawl ma'rufa* pula merujuk kepada ucapan yang baik iaitu ucapan yang diterima sebagai penyampaian mesej yang baik dari sudut pandang penghantar dan penerima mesej. Dalam erti kata lain, konsep ini juga membawa maksud ucapan yang baik, nada dan pemilihan kata yang sopan, dan ayat yang tersusun. Dalam memastikan komunikasi lebih berkesan, amalan *qawl ma'rufa* meliputi pelbagai bentuk komunikasi yang memupuk manfaat, niat baik, dan tanggungjawab untuk memberikan kesejahteraan kepada orang lain (Khafidah et al. 2020). Ini termasuk memaafkan kesalahan orang lain serta mengekalkan sikap dan akhlak yang baik (Aziz, 2023).

Ibu bapa berperanan besar untuk mendidik anak-anak dalam penggunaan bahasa dan mengeluarkan kata-kata yang baik ketika berkomunikasi. Penggunaan kata-kata yang baik dan mengelakkan kata-kata buruk akan menyumbang kepada pembentukan personaliti yang positif dalam diri anak-anak dan akhirnya mengajar mereka menjadi individu yang bertanggungjawab atas pemilihan kata-kata dan tindakan mereka. Akhlak Rasulullah SAW yang digambarkan dalam al-Quran melalui surah Al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Dalam ayat ini menunjukkan Rasulullah SAW sebagai contoh yang baik dari segala sudut termasuk dalam penjagaan adab semasa berkomunikasi. Dalam sirah Rasulullah SAW dan gambaran akhlak-akhlak baginda yang disebutkan dalam Kitab ash-Syama'il al-Muhammadiyah karya Imam At-Tirmidzi menunjukkan baginda seorang yang baik dan berhikmah dalam kata-kata dan tindakannya. Kata-katanya yang bijaksana mampu melembutkan hati manusia dan menjadi solusi dalam penyelesaian masalah (Izurrohman et al., 2023). Rasulullah SAW menjadikan kata-katanya sebagai doa. Oleh itu, baginda akan memilih perkataan yang baik untuk dibicarakan ataupun baginda akan berdiam diri. Sabda baginda Rasulullah SAW:

ثلاث دعوات متسجبات لا شك فيهن: دعوة المظلوم، ودعوة المسافر، ودعوة الوالد على ولده

Maksudnya: Tiga doa yang mustajab, tidak ada keraguan padanya: doa orang yang dizalimi, doa orang yang musafir dan doa orang tua untuk anaknya (Hadis Riwayat At-Tirmidzi)

Keadaan ketiga yang disebutkan dalam hadis ini iaitu doa orang tua kepada anaknya merujuk kepada doa ibu dan bapa kepada anak-anak. Kata-kata ibu bapa adalah doa yang diangkat oleh Allah SWT untuk didengari dan dimakbulkan oleh-Nya. Oleh itu, ibu bapa perlu mengeluarkan kata-kata yang baik agar menjadi satu doa yang baik untuk ahli keluarga mereka serta mendatangkan kebaikan buat seluruh ahli keluarga sepertimana Rasulullah SAW yang sentiasa mengeluarkan kata-kata yang baik terhadap ahli keluarganya agar menjadi kebaikan buat mereka. Malah baginda turut memanggil isterinya dengan gelaran yang mulia seperti “Ya, Humaira... (Wajah kemerah-merahan)” untuk mengambil hati saidatina Aisyah RA. Oleh itu, komunikasi Rasulullah SAW yang sentiasa memilih kata-kata yang baik perlu dijadikan panduan buat seluruh umat manusia dalam mewujudkan suasana kekeluargaan yang harmoni.

3. Menggunakan kata-kata yang jelas dan efektif (*Qawl Baligha*)

Konsep *qawl baligha* bermaksud ucapan yang disampaikan dengan menyesuaikan kemampuan penerima mesej. Komunikasi akan mudah difahami apabila menggunakan kata-kata yang jelas dan efektif. Menurut Dzulhusna et al. (2022) mengatakan ada dua perkara yang perlu diperhatikan untuk mencapai komunikasi yang efektif. Yang pertama, apa yang diperkatakan sesuai dengan karakteristik pendengar. Kedua, isi percakapan dapat menyentuh hati dan otak pendengar iaitu sehingga meninggalkan kesan di hati penerima mesej.

Apabila ibu bapa memberi nasihat kepada anak-anak, ibu bapa perlu memiliki kemampuan menggunakan bahasa yang sesuai dengan tahap pemahaman dan kematangan anak-anak tersebut supaya mesej yang disampaikan lebih difahami dan dapat diterima dengan lebih efektif. Begitu juga, apabila seorang suami memberi nasihat atau berbincang dengan isterinya, dia juga perlu menggunakan bahasa yang dapat difahami oleh isterinya, agar nasihatnya difahami dan dapat menyentuh hatinya (Aziz 2023).

Rasulullah SAW menggunakan ayat yang jelas dan teratur apabila berkomunikasi. Komunikasi yang diamalkan oleh baginda memberi kesan dan menyentuh hati orang yang

mendengarnya. Malah, komunikasi yang dibawa baginda menyebabkan mereka mudah menerima Islam sebagai pegangan mereka. Apatah lagi, apabila baginda berkomunikasi dengan ahli keluarga baginda, pastinya baginda mengamalkan gaya percakapan yang teratur, jelas dan terperinci. Sepertimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi (Bakri, 2023),

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْرُدُ سَرْدَكُمْ هَذَا وَلَكِنَّهُ كَانَ يَتَكَلَّمُ بِكَلَامٍ بَيْنَهُ فَصْلٌ
يَحْفَظُهُ مَنْ جَلَسَ إِلَيْهِ

Maksudnya: Aisyah berkata: Rasulullah tidak pernah bercakap dengan laju seperti kamu semua. Beliau selalu bercakap dengan jelas dan terperinci, sehingga orang yang mendengar dapat menghafal apa yang mereka dengar.” Hadis Riwayat at-Tirmizi

Hadis ini menunjukkan gaya percakapan Rasulullah SAW adalah jelas dan terperinci sehingga para sahabat dapat terus menghafal dan mengingat kata-kata baginda.

4. Menggunakan kata-kata yang lembut dan menenangkan (*Qawl Maysura*)

Qawl maysura bermaksud kata-kata yang mudah. Konsep ini dalam komunikasi bertujuan untuk membuat penerima mesej berasa tenang dan selesa apabila penyampai mengucapkan kata-kata dengan nada suara yang lembut, penuh kelembutan, serta mengandungi unsur –unsur yang positif. Menurut Suud et al. (2019), sepanjang proses komunikasi, kata-kata bukan sahaja menyenangkan untuk didengar tetapi juga mudah difahami dan dapat membuatkan orang lain untuk menerima mesej yang disampaikan secara positif. Penggunaan kata-kata yang lembut dan menenangkan ketika berkomunikasi dapat mengelakkan daripada ahli keluarga tersinggung atau terasa hati (Aziz 2023). Ajaran Islam menyerlahkan pentingnya menggunakan kata-kata lembut dalam interaksi ibu bapa dengan anak untuk mengukuhkan hubungan dan menggalakkan perkembangan positif pada anak-anak. (Rifiana 2022)

Rasulullah SAW sentiasa mengeluarkan kata-kata dengan nada yang lembut dan menggunakan ayat yang menenangkan. Selain menggunakan panggilan yang baik, baginda akan memilih kata-kata yang berbentuk positif dan tidak menyakiti hati ahli keluarga. Pernah suatu ketika, baginda Rasulullah SAW ingin menegur saidatina Aisyah berkenaan sikap isterinya (Siti Fatimah, 2022). Baginda bersabda (Bakri, 2023),

قَالَ يَا عَائِشَةُ فَإِنَّهُ بَلَغَنِي عَنْكَ كَذًا وَكَذًا، فَإِنْ كُنْتَ بَرِيئَةً فَسَيَّرْتُكَ اللَّهُ، وَإِنْ كُنْتَ أَلَمَمْتَ فَاسْتَغْفِرِي اللَّهَ وَتُوبِي إِلَيْهِ،
فَإِنَّ الْعَبْدَ إِذَا اعْتَرَفَ بِذَنْبِهِ ثُمَّ تَابَ تَابَ اللَّهُ عَلَيْهِ

Maksud: “Wahai Aisyah! Saya sudah mendengar cerita tentang dirimu begini dan begitu, Jika kamu bersih daripada semua tuduhan itu, nescaya Allah akan membersihkanmu. Tetapi jika kamu terpalit dengan dosa, maka mohonlah keampunan daripada Allah dan bertaubatlah kepada-Nya; kerana sesungguhnya hamba Allah apabila mengetahui dosanya kemudian bertaubat, nescaya Allah akan menerima taubatnya” Hadis Riwayat al-Bukhari

Dalam hadis ini, baginda Rasulullah SAW menggunakan perkataan “Wahai Aisyah...” sebagai gelaran yang baik untuk isterinya. Kemudian baginda menyampaikan tentang apa yang didengarinya sebagai “begini dan begitu...” tanpa mengeluarkan perkataan yang kasar. Setelah baginda menyampaikan teguran “Jika kamu bersih daripada semua tuduhan itu, nescaya Allah akan membersihkanmu...” , menunjukkan baginda tidak menghukum isterinya. Setelah itu, baginda mencadangkan tindakan yang perlu dilakukan oleh isterinya dengan mengatakan “jika kamu terpalit dengan dosa, maka mohonlah keampunan daripada Allah dan bertaubatlah kepada-Nya; kerana sesungguhnya hamba Allah apabila mengetahui dosanya kemudian bertaubat, nescaya Allah akan menerima taubatnya...”. Baginda telah mencadangkan supaya isterinya memohon ampun kepada Allah SWT jika melakukan kesalahan. Jauh sekali daripada baginda melontarkan kemarahan mahupun ayat-ayat yang menyalahkan isterinya, sebaliknya baginda menggunakan ayat yang menenangkan untuk didengari oleh isterinya apabila melakukan kesalahan.

Baginda Rasulullah SAW juga sabar melayani kerenah isteri-isteri baginda. Tidak pernah sekalipun baginda mengasari mereka. Baginda memberi peluang kepada isteri-isterinya untuk berdebat dengan baginda dan jika isteri baginda berkasar ketika sedang marah, baginda menghadapinya dengan penuh pengertian dan kemaafan, dan tidak menyuruh mereka diam. Malah, kalau dilihat wasiat baginda yang terakhir, salah satu daripadanya menekankan betapa pentingnya lelaki berhati-hati dalam perlakuan mereka terhadap isteri. Baginda bersabda yang bermaksud: “Takutlah kepada Allah dalam hal wanita. Mereka berada dalam peliharaanmu. Kamu telah mengambil mereka sebagai amanah dari Allah dan mereka itu dihalalkan untuk kamu dengan nama Allah.” (Siti Fatimah, 2022)

Baginda Rasulullah SAW menasihati para sahabat supaya menjaga ahli keluarga sebagai amanah Allah SWT sepertimana yang dilakukan baginda yang sentiasa menyantuni ahli keluarganya dengan baik. Penggunaan kata-kata yang sopan dalam penyampaian nasihat tersebut perlu dijadikan panduan untuk diikuti oleh seluruh manusia.

5. Menggunakan kata-kata penuh kelembutan (*Qawl Layyina*)

Qawl Layyina bermaksud kata-kata penuh kelembutan yang merujuk kepada penggunaan perkataan yang tidak kasar. Penggunaan kata-kata penuh kelembutan menjadi etika komunikasi yang harus diseimbangkan dengan sikap dan tingkahlaku yang baik serta komunikasi tanpa emosi dan caci makian (Dzulhusna et al., 2022). Dalam al-Quran, menjelaskan firman Allah SWT, “Berbicaralah kepadanya dengan lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut.” (Surah Taha, ayat 44). Komunikasi melalui nada suara yang lembut dan pemilihan kata yang baik ini mampu menyentuh hati ahli keluarga dan mendorong mereka untuk menerima ajaran agama dengan hati yang terbuka. Dalam institusi keluarga, komunikasi penuh kelembutan ini sangat penting terutama ketika ibu bapa memberikan nasihat kepada anak-anak. Anak-anak akan berasa dihargai, disayangi dan akhirnya membina kasih sayang serta kepercayaan antara mereka (Khaidir & Suud, 2020). Kajian menunjukkan bahawa anak-anak akan belajar untuk mengurus perasaan mereka dengan cara yang rasional dan meluahkan emosi mereka dengan lebih baik jika sesuai cara didikan terhadap mereka. Anak-anak mudah mencontohi gaya percakapan ibu bapa mereka. Jika anak-anak dididik dengan gaya percakapan yang penuh kelembutan maka anak-anak akan membesar sebagai individu yang mahir berkomunikasi dengan baik dan cemerlang dalam mengurus kemarahan, tekanan dan perasaan tidak selesa yang lain (Aziz 2023).

Rasulullah SAW sentiasa mengamalkan penyampaian kata-kata dengan penuh kelembutan. Akhlak baginda tersebut pernah diceritakan oleh isteri baginda, saidatina Aisyah RA (Ibrahim Adham, 2021),

حَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا حَيْرُكُمْ لِأَهْلِي، وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَدَعُوهُ

Maksudnya: “Daripada ‘Aisyah R.A beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku. Dan apabila salah seorang daripada ahli keluarga kalian meninggal dunia, maka biarkanlah dia

(tinggalkanlah dia dan jangan berbicara tentang keburukannya). Hadis Riwayat at-Tirmidzi

Dalam hadis ini menjelaskan baginda sentiasa berlaku baik terhadap keluarga baginda. Pasti nya baginda yang paling lembut perkataannya dalam menyantuni ahli keluarga baginda. Malah, apabila ahli keluarga telah meninggal dunia, baginda meminta supaya tidak berbicara tentang sikap-sikap buruk jenazah ahli keluarga tersebut. Kelembutan baginda bukan sahaja pada sikap dan tindakannya tetapi juga dalam nada dan ayat yang digunakan baginda. Sikap baginda sebegini wajar dijadikan panduan untuk seluruh manusia.

6. Menggunakan kata-kata yang mulia (*Qawl Karima*)

Qawl karima bermaksud kata-kata yang mulia dan penuh penghormatan, khususnya dalam konteks interaksi dengan ahli keluarga. Ia merujuk kepada pertuturan yang menyenangkan, bersopan santun, tidak merendahkan maruah, serta memuliakan insan lain.. Allah SWT berfirman,

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُلْعَنُ عِنْدَكَ الْكِبَرُ أَخَذَهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا
فَلَا تَقُلْ هُمَا أَفٌّ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ هُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).” (Surah Al-Isra’, ayat 23).

Dalam ayat ini, Allah SWT dengan jelas menegaskan bahawa pertuturan kepada ibu bapa mestilah dalam bentuk yang paling beradab, bahkan melafazkan perkataan sesingkat “ah” pun dianggap tercela. Larangan ini memberi isyarat bahawa komunikasi dalam keluarga perlu dilingkari dengan adab, pengiktirafan, dan penghormatan yang tinggi, apatah lagi kepada orang tua.

Aplikasi kontemporari *qawl karima* boleh dilihat dalam konteks mendidik anak-anak remaja masa kini yang cenderung beremosi. Ibu bapa perlu memilih perkataan yang membina harga diri anak dan bukan menjatuhkan, seperti menggantikan ungkapan "kamu degil" dengan "ibu tahu kamu sedang bergelut untuk faham, mari kita bincang elok-elok". Komunikasi sebegini lebih mudah menyentuh emosi dan mencetus perubahan sikap positif. Sesuai dengan pendapat Aziz (2023), manusia diperintahkan supaya sentiasa menggunakan perkataan-perkataan yang baik dengan penuh hormat, tidak menyinggung, dan memuliakan.

Sebagaimana akhlak baginda Rasulullah SAW adalah akhlak al-Quran, pastinya apa yang diperintahkan oleh Allah SAW dilaksanakan oleh baginda terhadap keluarganya. Baginda tidak pernah memarahi dengan membentak, atau mengeluarkan kata-kata yang kasar. Sabda Rasulullah SAW (Bakri, 2023),

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكُنْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya: "Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat hendaklah dia berkata baik atau diam," Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim

Hadis ini menekankan pentingnya bercakap hanya dengan kata-kata yang baik, dan diam sebagai pilihan yang lebih mulia apabila tidak mampu berkata baik. Dalam dunia hari ini yang penuh tekanan dan kesibukan, ramai ibu bapa atau pasangan cenderung mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan kerana emosi. Namun, prinsip *qawl karima* mendidik agar komunikasi kekal beradab meskipun dalam keadaan marah atau kecewa.

Dalam konteks profesional keluarga pula, contohnya dalam pengurusan konflik antara adik-beradik berkaitan harta pusaka atau penjagaan ibu bapa, amalan *qawl karima* dapat mengekalkan keharmonian walaupun berlaku perbezaan pendapat. Ia mencegah percanggahan daripada menjadi perselisihan yang meretakan hubungan.

Oleh itu, *qawl karima* bukan sahaja satu konsep spiritual, tetapi juga satu prinsip komunikasi yang praktikal dan strategik untuk membina institusi keluarga Muslim yang harmoni, saling memuliakan, dan menjunjung akhlak Rasulullah SAW.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membincangkan kepentingan komunikasi dakwah Rasulullah SAW dalam konteks keluarga melalui pendekatan-pendekatan baginda yang penuh hikmah, kasih sayang, dan kelembutan. Pendekatan-pendekatan ini dianggap penting kerana ia menunjukkan bagaimana komunikasi yang beretika dan beradab dapat membina hubungan yang harmoni dalam sesebuah keluarga Muslim. Kajian ini mendapati bahawa enam konsep komunikasi dakwah yang digariskan dalam al-Quran iaitu *qawl sadidan* (kata-kata benar), *qawl ma'rufa* (kata-kata baik), *qawl baligha* (kata-kata yang jelas), *qawl maysura* (kata-kata lembut), *qawl layyina* (kata-kata penuh kelembutan), dan *qawl karima* (kata-kata mulia) menjadi panduan komunikasi yang tidak hanya membina hubungan yang kuat dalam keluarga tetapi juga berfungsi sebagai pendekatan dakwah yang efektif dan relevan digunakan untuk mewujudkan keluarga yang berasaskan nilai-nilai Islam.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian-kajian lepas yang menunjukkan keperluan komunikasi yang efektif dan berbudi bahasa dalam keluarga, selaras dengan ajaran baginda Rasulullah SAW. Hal ini disebabkan persamaan penekanan terhadap prinsip komunikasi Islam yang menghargai adab dan keharmonian dalam keluarga. Kajian ini turut menunjukkan bahawa pendekatan komunikasi Rasulullah SAW adalah relevan dan berkesan dalam menyelesaikan masalah komunikasi dalam keluarga.

Persoalan kajian berkaitan bagaimana komunikasi dakwah dapat menyelesaikan masalah komunikasi dalam keluarga juga telah dijawab melalui analisis yang menunjukkan pendekatan komunikasi Rasulullah SAW yang mampu memberi panduan kepada ibu bapa dan ahli keluarga dalam mengatasi jurang komunikasi. Dalam konteks keluarga, penggunaan komunikasi yang penuh adab dan kasih sayang dapat membentuk anak-anak dengan akhlak yang mulia, membina kepercayaan, dan menyemai sikap empati serta hormat. Setiap ahli keluarga perlu berusaha mengaplikasikan kaedah komunikasi ini bagi mencipta suasana yang damai, di mana setiap orang berasa dihargai dan dilindungi. Melalui penerapan prinsip komunikasi yang berlandaskan ajaran Rasulullah SAW ini, keluarga bukan sahaja menjadi asas bagi pendidikan agama tetapi juga medium dakwah yang berkesan dalam membentuk generasi yang beriman dan berakhlak mulia.

Kesimpulannya, hasil kajian ini membuktikan bahawa amalan komunikasi dakwah Rasulullah SAW mempunyai potensi untuk meningkatkan kualiti hubungan dalam institusi keluarga melalui komunikasi yang beradab dan bijaksana. Implikasi kajian ini penting dalam bidang dakwah dan sosiologi keluarga, di mana pendekatan komunikasi berasaskan akhlak Islam dapat diintegrasikan dalam pendidikan dan panduan amali untuk keluarga Muslim dalam menyebarkan nilai-nilai Islam dan mengukuhkan hubungan sesama ahli keluarga.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada pihak Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas sokongan dan bantuan dalam menjayakan penulisan artikel ini.

RUJUKAN

Al-Quran.

A'dawiyah, I. & Siti Najihah, M. 2021. Teknik Komunikasi Ibu dalam Pembentukan Sahsiah Anak-anak Menurut Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 131–144.

Abdullah, N. B. K. & Khazri Osman. 2022. Etika Berdakwah kepada Mualaf. *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah* (August): 14–15.

Abdullah, N. B. K. & Osman, K. 2022. Etika Berdakwah kepada Mualaf. *SEMINAR DAKWAH & WAHDAH AL-UMMAH 2022, Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman*.

Al-Buthi, M. S. R. 1999. Sirah Nabawiyah: Analisis Ilmiah Manhajiah Sejarah Pergerakan Islam di Masa Rasulullah SAW. *Robbani Press* 390–393.

Analisis, A. S. & Berdasarkan, K. 2015. Sains Humanika 3: 35–42.

Aziz, N. A. 2023. Parents-Children Communication : Islamic Approach 03(08): 1671–1675.

Bakri, Z. M. Al. 2023a. Cara Rasulullah Bercakap – Maktabah Al-Bakri. *Maktabah Al-Bakri*. <https://maktabahalbakri.com/2695-cara-rasulullah-bercakap/> [15 November 2024].

Bakri, Z. M. Al. 2023b. Dalil Diam Lebih Baik Daripada Bertanya – Maktabah Al-Bakri. *Maktabah Al-Bakri*. <https://maktabahalbakri.com/3772-dalil-diam-lebih-baik-daripada-bertanya/> [15 November 2024].

Date, R. 2019. 2019 Kefahaman Ibu Bapa Terhadap Kemahiran Keibubapaan 1(1): 67–76.

Dzulhusna, N., Nurhasanah, N. & Suherman, Y. N. 2022. Qaulan Sadida, Qaulan Ma'rufa, Qaulan Baligha, Qaulan Maysura, Qaulan Layyina dan Qaulan Karima Itu Sebagai Landasan Etika Komunikasi Dalam Dakwah. *Jurnal of Islamic Social Science and Communication* 1(2): 76–84.

- Hajah Siti Fatimah binti Abdul Rahman. 2022. Akhlak dalam Melayan Kerenah Isteri – Laman Web Rasmi: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). *Utusan Malaysia*. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2002/05/23/akhlak-dalam-melayan-kerenah-isteri/> [14 November 2024].
- Ibrahim Adham. 2021. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - Irsyad Al-Hadith Siri Ke 518: Status Hadith “Berbuat Baiklah kepada Ahli Keluarga.” <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/4707-irsyad-al-hadith-siri-ke-518-status-hadith-berbuat-baiklah-kepada-ahli-keluarga> [14 November 2024].
- ISMAIL, S. B. 2024. Komunikasi Keluarga: Menurut Perspektif Hadis. *HADIS* 14(28): 83–94.
- Ismail, S., Rasit, R. M. & Aini, Z. 2019. Mesej Komunikasi Keluarga dalam Surah Luqman Family Communication Messages in Surah Luqman 6: 201–213.
- Izurrohman, M. R. S., Azani, M. Z. & Salim, H. 2023. The Concept of Prophetic Education According to Imam Tirmidzi in the Book of Syamail Muhammadiyah. *Solo International Collaboration and Publication of Social Sciences and Humanities* 1(01): 57–66.
- Jima’ain, M. T. A. 2023. Dawah in the Digital Age: Utilizing Social Media for the Spread of Islamic Teachings. *Journal of Current Social and Political Issues* 1(1): 1–7. doi:10.15575/jcsppi.v1i1.444
- Khafidah, W., Wildanizar, W., Tabrani, Z. A., Nurhayati, N. & Raden, Z. 2020. The application of wahdah method in memorizing the qur’an for students of SMPN 1 Unggul Sukamakmur. *International Journal of Islamic Educational Psychology* 1(1): 37–49.
- Khaidir, E. & Suud, F. M. 2020. Islamic education in forming students’ characters at as-shofa Islamic High School, pekanbaru Riau. *International Journal of Islamic Educational Psychology* 1(1): 50–63.
- Marlina, M., Rambe, E., Wahyuni, R. & Fitri, S. 2024. Interpersonal Communication and the Application of Religious Values in Building Family Resilience in Mandailing Natal. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies* 18(1): 117–132.
- Pribadi, S., Thohir, A., Hakim, A. & Pribadi, S. 2023. Jimad : j 1(1): 38–54.
- Rasit, R. M., Ismail, S., Hamzah Murghayah, S. K. M., Usman, A. H., Md Ali, A. W. & Aini, Z. 2024. Development of a Muslim Family Communication Model Based on the Madani Society Framework. *Pakistan Journal of Life & Social Sciences* 22(2).
- Rifiana, R. 2022. Konsep Komunikasi terhadap Remaja dalam Keluarga Islam menurut Pandangan Al-Qur’an. *Ulumul Qur’an: Jurnal Kajian Ilmu Al-Qur’an dan Tafsir* 2(1): 58–76.
- Rubani, M., Sazali, H. & Metia, C. 2024. Navigating Islamic Da’wah for Polygamous Family Resilience: Family Communication and the Islamic Mindset. *Jurnal Dakwah Risalah* 35(2): 87–101.
- Sains, J. K. 2022. Peranan Komunikasi Dakwah dalam Keluarga Menurut Perspektif Islam 05: 359–364.

- Sharifah Hayaati Syed Ismail, Salasiah Hanin Hamjah, Khadijah Binti Mohd Khambali @ Hambali, A'dawiyah Ismail, Mohamad Zarifi Bin Mohamad Daud & Amie Sofie Binti Ahmad. 2021. The Current Familiar and Sociocultural Issue : Causes and Its Solutions 1(2): 1–20.
- Susanto, A. 2019. Pola Komunikasi Keluarga Dalam Perspektif Islam. *Jurnal Ilmiah Al-Hadi* 5(1): 1131–1142.
- Suud, F. M., Sutrisno, S. & Madjid, A. 2019. Educational honesty: The main philosophical value in school. *TARBIYA: Journal of Education in Muslim Society* 6(2): 141–154.
- Zailan, N. Z. & Mohamad, I. 2023. Satu kajian kes: Mengenalpasti kesan komunikasi ibu bapa dengan anak-anak ketika di rumah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 12(1): 92–98.
- Zur Raffar, I. N. A., Hamjah, S. H., & Ismail, A. (2019). Kefahaman Ibu Bapa Terhadap Kemahiran Keibubapaan Menurut Perspektif Islam. *Asian Journal Of Civilizational Studies (Ajocs)*, 1(1).